

ms 16



Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil akan ditutup bermula 11 Februari depan.

# Stadium Hoki Nasional ditutup

➔ Kerja baik pulih dijangka makan masa enam minggu

Oleh Saiful Affendy  
Sapran  
saifulaffendy@NSTP.com.my

■ Kuala Lumpur

**S**tadium Hoki Nasional Bukit Jalil akan ditutup bermula 11 Februari depan untuk kerja-kerja baik pulih selepas mengalami kerosakan.

Difahamkan kerja baik pulih itu akan mengambil masa enam minggu dengan kos baik

pulih itu masih di bawah jaminan kontraktor.

"PSM (Perbadanan Stadium Malaysia) akan mengeluarkan kenyataan media dalam tempoh terdekat," kata Timbalan Presiden dan Pengurus Pertandingan MHC, George Koshy, semalam.

Akbar ini kelmarin melaporkan desakan Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Datuk Seri Subahan Kamal yang meminta PSM memberi maklum balas segera sama ada dua padang di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil dapat digunakan untuk Final Siri Hoki yang berlangsung dari 26 April sehingga 4 Mei tahun ini.

## Padang 2 tak rata

Ini selepas padang 2 dilaporkan tidak dapat digunakan untuk



Perbadanan Stadium Malaysia akan mengeluarkan kenyataan media dalam tempoh terdekat"

**George Koshy,**  
Timbalan Presiden MHC

saingan Liga Hoki Malaysia bermula dengan perebutan Piala Tan Sri P Alagendra bermula Khamis ini berikutan permukaan padang yang tidak rata.

Kedua-dua padang itu baru saja dinaik taraf sebelum berlangsungnya temasya Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017), Ogos tahun lalu.

Malaysia mendapat hak untuk menjadi tuan rumah kepada Final Siri Hoki dengan dua pasukan terbaik daripada kejohanan itu akan mara ke Acara Final Kelebihan Olimpik hujung tahun depan yang menjadi peringkat terakhir sebelum layak beraksi di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Selain Malaysia selaku tuan rumah, pasukan lain yang turut mengambil bahagian ialah Austria, Kanada, Itali, Wales, Vanuatu, China dan Brazil.